

## KENYATAAN AKHBAR

### KENDURI RAKYAT

Sempena sambutan Ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya, ia telah memberikan satu suntikan semangat yang tinggi bagi seluruh rakyat Petaling Jaya dalam usaha untuk membangunkan Bandaraya Petaling Jaya, Bandaraya Peneraju, Dinamik dan Lestari.

Kenduri rakyat yang diadakan ini adalah sebagai tanda kesyukuran dan penghargaan ucapan terima kasih kepada warga Petaling Jaya dan untuk mengeratkan tali silaturrahim di antara Majlis dengan penduduk Petaling Jaya.

Selama 6 tahun menjadi bandaraya, Petaling Jaya akan terus membangun dan pelbagai usaha penambahbaikan dan transformasi dalam sistem penyampaian kepada warga Petaling Jaya telah menunjukkan keberkesanannya. MBPJ telah mengharungi pelbagai proses transformasi seperti mengubah sikap, mengubah cara berfikir, mengubah cara melihat, mentafsir dan mengubah cara bekerja.

Sehubungan itu, kepantasan bertindak dan membuat keputusan adalah dua keperluan kritikal bagi kepimpinan MBPJ hari ini. Justeru itu kita tidak boleh bertangguh dan akan mempercepatkan kelulusan urusan pemberian lesen, perintah pembangunan, perolehan tender terbuka dan kontrak, pembayaran kerja atau apa sahaja yang melibatkan implikasi kewangan akan dipercepatkan supaya kesan kepada **velocity of money** diterjemahkan dan hasilnya adalah untuk rakyat dan negeri Selangor amnya.

Untuk tempoh 6 tahun menjadi bandaraya kita juga telah banyak menempa kejayaan yang boleh dibanggakan oleh warga Petaling Jaya. Dari segi pengurusan kewangan, MBPJ mempunyai pengurusan kewangan yang stabil dengan bajet bagi 2012 sebanyak RM281 juta. Majlis juga mempunyai rezab simpanan yang dianggarkan sebanyak RM 250 juta.

Dari segi pembangunan dan pembaharuan bandar yang sedang pesat membangun, untuk pembangunan harta di petaling jaya MBPJ telah meluluskan pada tahun lalu sebanyak 111 skim pembangunan di bawah jawatankuasa OSC dengan nilai GDV dianggarkan RM21 billion.

Pada tahun ini untuk tempoh suku tahun MBPJ telah meluluskan untuk perintah pembangunan yang bernilai lebih kurang 5 billion ringgit. Semua perancangan pembangunan memberi keutamaan berteraskan teknologi hijau pada bangunan dan persekitaran yang baik sebagai asas kepada pembangunan bandaraya kita ke arah pembangunan mampan atau sustainable development.

MBPJ juga bergerak ke arah pembangunan mampan & sustainable development, ukuran daripada murni net mengenai kemampunan bandaraya kita oleh KPKT Petaling Jaya mendapat markah 86% dan dikira mampan. Ini satu pencapaian yang membanggakan. MBPJ telah berjaya mengadakan green inisiatif dengan memberikan rebat cukai taksiran, memperbanyakkan tanaman pokok, bicycle lane – 56 km yang menghubungkan di antara satu taman dengan taman lain, pemasangan lampu LED di lorong belakang dan lain-lain. Basikal lane yang pertama akan dilancarkan di Damansara Damai untuk 5km pada bulan hadapan.

Dari segi pembangunan sosial MBPJ juga telah banyak memberikan insentif kepada komuniti Petaling Jaya antaranya skim perubatan percuma warga emas dan OKU, peruntukan persatuan warga emas sebanyak RM2,000 setahun, peruntukan untuk persatuan penduduk (RA) sebanyak RM2,000 dan rukun tetangga sebanyak RM1,000 setahun, peruntukan pasukan keselamatan kejiranan Petaling Jaya (Community Policing) sebanyak RM5,000 setahun.

Melalui skim kemudahan pengangkutan untuk komuniti pula, MBPJ telah mengadakan perkhidmatan bas komuniti percuma di kawasan PJS dan PJU serta perkhidmatan van oku percuma sebanyak 2 unit.

MBPJ juga menyediakan Anugerah Perdana Komuniti Mampan Petaling Jaya di bawah local agenda 21 dengan hadiah geran pembangunan sebanyak RM50,000. Projek terbaru food bank for the needy yang akan dilancarkan pada bulan ini. Budaya maintenance infrastruktur, quick response team (QRT), road gang, call centre – aduan hotline 24 jam.

MBPJ juga telah melaksanakan *core business* kutipan sampah daripada alam flora di kawasan pentadbiran MBPJ. Pihak Majlis telah melantik sebanyak 150 kontraktor untuk pengurusan sisa pepejal dan pembersihan di MBPJ iaitu sampah domestik sebanyak 32 kontraktor, pembersihan 98 kontraktor, pembersihan sampah pukal atau waste buster pula sebanyak 20 kontraktor. Sebagai makluman, perkara ini telah berjaya dilaksanakan. Justeru itu MBPJ juga telah melaksanakan kawasan zon bersih, kempen kitar semula dan kempen kutu sampah ke arah menjadikan bandaraya Petaling Jaya bersih dan selamat.

Dari segi memperkasakan pengurusan tadbir urus yang baik, MBPJ telah berjaya mengadakan strategic planning untuk 2010-2014. Pelan integriti Majlis Bandaraya Petaling Jaya yang mana MOU dengan SPRM telah ditandatangani, persijilan MS ISO 9001-2008, persijilan 5S dimana amalan persekitaran kerja mengikut japanese management, anugerah star rating 4 bintang, anugerah 5 bintang untuk portal MBPJ, semi finalis untuk anugerah International Award CAPAM (Commonwealth Association of Public Administration & Management) 40 daripada 120 penyertaan.

Bersempena ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya, pada tahun ini MBPJ juga menyediakan perkhidmatan percuma kepada rakyat Petaling Jaya antaranya bagi semua tempat letak kereta atas jalan (on street) dan kompleks letak kereta milik

MBPJ kecuali milik swasta, kemudahan gelanggang sukan dan padang kecuali dewan banquet, auditorium, dataran Petaling Jaya dan Stadium Petaling Jaya, sebanyak 1,000 anak pokok hiasan palma diberi secara percuma daripada nurseri MBPJ, kempen pengurangan kompaun sehingga 80% untuk kesalahan lalulintas dan tempat letak kereta.

Diharapkan dengan pemberian perkhidmatan percuma ini dapat dimanfaatkan oleh semua penduduk petaling jaya. pada malam ini juga satu penghargaan terima kasih akan diberikan kepada rakan kerjasama MBPJ yang terdiri dari individu Petaling Jaya yang telah memberikan komitmen dan sokongan di dalam membangunkan bandaraya Petaling Jaya. Agensi kerajaan yang turut membantu majlis di dalam memberikan kerjasama operasi menguatkuasakan bersepadu. Penggiat-penggiat sukan yang turut merencanakan arena sukan Petaling Jaya dan juga penaja-penaja sukan yang tidak pernah jemu membantu menjayakan aktiviti sukan di MBPJ.

Pelbagai acara telah dirancang sempena Sambutan Ulangtahun ke-6 Bandaraya Petaling Jaya, pihak majlis berharap agar semua penduduk Petaling Jaya akan dapat sama-sama menjayakan acara yang telah dirancang ini.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web : [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my) , facebook: Petaling Jaya City Council,  
twitter : [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel : [media@mbpj.gov.my](mailto:media@mbpj.gov.my) Tel : 03-79563544 sambungan 203/204,  
Faks : 03-79582695. Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi :  
Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my)  
Pen. Peg. Perhubungan Awam MBPJ, En Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar,  
010-4268050 [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)